



KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH


10 APRIL 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 124 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 369,184 kes. Tiada kes kematian dilaporkan hari ini.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 210 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 354,079 orang. Manakala 254 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 246 orang di hospital, lapan (8) orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC). Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 19 orang merangkumi 18 di ICU/repurposed kritikal care serta satu (1) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan lapan (8) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada Perubahan zon dicatatkan

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning lima (5) daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah
- Zon Merah 20 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a Jumlah jangkitan baharu naik 18 kes, daripada 106 kes kelmarin kepada 124 kes hari ini.
- b Sebanyak 11 daerah mencatat jumlah kes harian yang lebih tinggi walaupun pada kadar yang rendah. Ia didahului oleh Kota Kinabalu dengan 33 kes baharu, pertambahan sembilan (9) kes setelah mencatatkan penurunan 33 kes semalam. Daerah Tuaran (+6), Papar (+1), Beaufort (+2) dan Putatan (+2) juga merekod pertambahan tetapi Penampang (-1), daerah di pinggir Kota Kinabalu menurun satu (1) kes berbanding pertambahan tujuh (7) kes kelmarin.
- c Jumlah kes harian menurun secara marginal di sembilan (9) daerah dengan Sandakan dan Keningau merekodkan penurunan yang terbanyak, masing-masing sebanyak 4 kes. Semalam Sandakan turun lima (5) kes sementara Keningau tidak merekodkan sebarang kes baharu hari ini. Selain Keningau, enam (6) lagi daerah tidak merekodkan sebarang jangkitan baharu.
- d Empat (4) daerah mencatatkan kes baharu dua (2) angka berbanding tiga (3) daerah semalam. Tuaran mencatat kes satu (1) angka kelmarin lapan (8) tetapi bertambah kepada 14 kes hari ini. Sebanyak 16 daerah mencatat kes baharu satu (1) angka berbanding 17 daerah semalam. Tidak ada catatan jangkitan baharu di tujuh (7) daerah.
- e Secara keseluruhan, kedudukan kes jangkitan COVID-19 di semua daerah di Sabah masih dianggap stabil walaupun terdapat pertambahan 18 kes hari ini. Jumlah daerah yang mencatat pertambahan dan daerah yang merekodkan penurunan juga seimbang. Malah, pada hari ini peratusan jangkitan sporadik menurun kepada sekitar 48% sahaja berbanding 64% semalam.

- f Seramai 120 orang daripada 124 pesakit baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, seorang (1) dalam Kategori 3, dua (2) orang dalam Kategori 4 dan seorang (1) dalam Kategori 5

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	42	33.87%
3	Bergejala	60	48.39%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	22	17.74%
JUMLAH		124	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (9 April 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 9/04/2022	Catatan Kes 10/04/2022	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	24	33	+9
2	Tuaran	8	14	+6
3	Kuala Penyu	0	5	+5
4	Putatan	6	8	+2
5	Beaufort	6	8	+2
6	Kota Belud	1	3	+2
7	Papar	10	11	+1
8	Tambunan	0	1	+1
3	Keningau	0	1	+1
10	Tenom	4	5	+1
11	Ranau	1	2	+1
12	Tongod	0	0	Mendatar
13	Nabawan	0	0	Mendatar
14	Telupid	0	0	Mendatar
15	Kudat	3	3	Mendatar
16	Tawau	1	1	Mendatar
17	Kota Marudu	1	1	Mendatar
18	Kunak	0	0	Mendatar
19	Sandakan	7	3	-4
20	Kinabatangan	3	1	-2
21	Penampang	19	18	-1
22	Sipitang	5	4	-1
23	Pitas	2	1	-1
24	Kalabakan	1	0	-1
25	Beluran	1	0	-1
26	Lahad Datu	2	1	-1
27	Semporna	1	0	-1
JUMLAH		106	124	+18

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	10	18	0	5	33	666
Penampang	0	10	7	0	1	18	279
Tuaran	0	8	4	0	2	14	210
Papar	0	2	7	0	2	11	229
Beaufort	0	1	7	0	0	8	151
Putatan	0	1	4	0	3	8	134
Tenom	0	2	2	0	1	5	69
Kuala Penyu	0	2	2	0	1	5	54
Sipitang	0	0	4	0	0	4	80
Sandakan	0	1	2	0	0	3	133
Kota Belud	0	0	1	0	2	3	49
Kudat	0	2	1	0	0	3	52
Ranau	0	1	0	0	1	2	57
Tawau	0	0	0	0	1	1	63
Keningau	0	0	0	0	1	1	88
Kota Marudu	0	0	0	0	1	1	67
Lahad Datu	0	0	0	0	1	1	46
Pitas	0	1	0	0	0	1	49
Tambunan	0	1	0	0	0	1	62
Kinabatangan	0	0	1	0	0	1	29
Beluran	0	0	0	0	0	0	43
Telupid	0	0	0	0	0	0	17
Tongod	0	0	0	0	0	0	7
Kunak	0	0	0	0	0	0	24
Nabawan	0	0	0	0	0	0	11
Semporna	0	0	0	0	0	0	15
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	6
JUMLAH	0	42	60	0	22	124	2690

- 6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.
- 7 Jumlah kapasiti katil 2,618 unit.
- Hospital 1,273 unit.
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 1,105 unit.
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 212 unit.
 - Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 9.70 %.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 10 APRIL 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	124
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	0
Jumlah	124

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	120
Bukan Malaysia	4
Jumlah	124

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	6
Belum Menerima Vaksin (5-11)	5
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	8
Menerima 1 Dos	6
Lengkap 2 Dos	40
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	59
Jumlah	124

Iv.Umur

Umur (Tahun)	
<1	1
1-4	5
5 -11	11
12-17	4
18-29	33
30-39	30
40-49	18
50-59	11
60-69	5
70-79	4
80-89	2
>90	0
Jumlah	124

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 9 April 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 3,994 orang. Daripada jumlah ini, seramai 1,408 orang adalah penduduk dewasa, 171 orang adalah penduduk remaja dan 2,415 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 9 April 2022 adalah seramai 2,566,436 orang. Ini meliputi 2,133,550 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.54% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,415,261 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,090,941 orang atau 76.97% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 332,983 orang atau 78.13% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 316,896 atau 74.35% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 99,903 atau 24.28% orang telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk kanak-kanak yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 7,424 atau 1.80% orang.

D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 179 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 33 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 920 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 550 premis perniagaan dan 978 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan oleh DBKK.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 129 Premis Perniagaan melibatkan sembilan 46 anggota APM.
- 4 Sejumlah 232 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tujuh (7) daerah pada hari ini.
- 5 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 93 hebahan di seluruh Sabah.

D KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP PROSEDUR OPERASI STANDARD SEMASA (MYSOP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap prosedur operasi standard semasa (MYSOP) pada hari ini ialah **98.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kinabatangan	98.8%
2	Kota Belud	98.8%
3	Semporna	98.7%
4	Ranau	98.7%
5	Kota Marudu	98.7%
6	Kudat	98.6%
7	Kunak	98.6%
8	Sipitang	98.5%
9	Beluran	98.5%
10	Beaufort	98.5%
11	Lahad Datu	98.4%
12	Tenom	98.4%
13	Kota Kinabalu	98.4%
14	Penampang	98.4%
15	Papar	98.2%
16	Keningau	98.2%
17	Sandakan	98.2%
18	Tuaran	98.1%
19	Tawau	98.1%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II